

Anugerah Seri Gemilang KUKUM 2004



Majlis yang penuh gemilang ini telah diadakan di Dewan Warisan, Kangar pada 3 April 2005 yang lalu. DYMM Tuanku Canselor dan DYT Raja Puan Muda Perlis telah berkenan mencemar duli berangkat ke majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan anugerah-anugerah kepada penerima. Di samping kehadiran oleh seluruh warga kerja KUKUM, majlis ini juga turut diserikan lagi dengan kehadiran oleh YABhg. Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin, isteri Menteri Besar Perlis. Turut hadir bersama ialah Y.Bhg Dato' Rektor KUKUM dan isteri, Timbalan Rektor, Pegawai-pegawai Utama Universiti dan juga pihak media.

Anugerah Seri Gemilang KUKUM 2004 yang sebelum ini dikenali sebagai 'Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang' ini diadakan bagi meraikan dan mengiktiraf warga kerja KUKUM yang telah menunjukkan prestasi yang cukup cemerlang di dalam perkhidmatan dan jawatan yang disandang mereka di sepanjang tahun 2004. Antara kategori anugerah yang disampaikan pada malam tersebut ialah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Penghargaan Khas dan Anugerah Kecemerlangan Sukan.

Seramai 56 staf KUKUM telah menerima anugerah pada majlis tersebut yang mana 22 daripadanya adalah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang . DYMM Tuanku Canselor dan DYT Raja Puan Muda Perlis telah menyampaikan anugerah-anugerah ini kepada penerimanya. Di samping itu, pada malam tersebut juga dapat disaksikan seramai 14 wakil media yang beroperasi di negeri Perlis telah menerima Anugerah Khas KUKUM bagi menghargai jasa-jasa mereka kepada Universiti ini. Turut menerima anugerah yang sama ialah Fauzi Marzuki (Pencipta Lagu WAWASANKU) dan juga Prof. Madya Dr. Ismail Abdullah (Penulis Lirik Lagu WAWASANKU). Anugerah Khas KUKUM ini telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Rektor sendiri.

Anugerah Seri Gemilang ini turut diserikan lagi dengan persembahan hebat dari artis tanahair iaitu Aishah dan juga Shamsul Ghau-Ghau. Persembahan mereka ini juga diselang-selikan dengan persembahan yang juga cukup hebat dari penari-penari staf KUKUM di bawah bimbingan Prof. Madya Dr. Salmah Ayob.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

1. Prof. Madya Dr. Ismail Daut
2. Prof. Madya Dr. Shamsul Baharin Jamaludin
3. Shamshul Bahar Yaacob
4. Prof. Madya Dr. Puteh Saad
5. Azuwir Mohd. Nor
6. Che Mohd. Ruzaidi Ghazali
7. Nurulisma Hj. Ismail
8. Baharuddin Ismail
9. Mohamad Hanif Abd. Hamid
10. Nurazrina Abdul Rahman
11. Syeamarsyeta Ahamad
12. Hasdarinar Abdul Jalal
13. Norsyahiza Hamzah
14. Mustaffa Ismail
15. Rosfarizal Abdul Manan
16. Osman Ahmad
17. Mohd. Irwan Ibrahim
18. Norsyuhada Ismail
19. Roshaizan Rasul
20. Norazlindamazlini Mahamad
21. Azwanee Idrzahar @ Idrzahar
22. Mar Ayu Mohd. Nasir

